

28/02/2003

Pas, Keadilan dibidas tidak sertai bantahan

Wan Hazmir Bakar

KUALA LUMPUR: Pergerakan Pemuda Umno yang menerajui Perikatan Keamanan Rakyat Malaysia (Aman Malaysia) membidas Pas dan Parti Keadilan Nasional (Keadilan) kerana tidak sama-sama menyertai rakyat Malaysia pada Perhimpunan Keamanan Rakyat Ahad lalu bagi menyuarakan bantahan terhadap perang.

"Saya kecewa, tetapi saya nak beritahu Pas dan Keadilan bahawa DAP menghantar secara rasmi 10 wakil.

"Ini parti yang tidak melaungkan dan menggunakan slogan agama. Di manakah suara Pas?" kata Ketua Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Hussein, sambil menambah, Pas ketinggalan dalam perjuangan kemanusiaan.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai gesaan Ketua Pemuda Pas Pusat, Mahfuz Omar, supaya debatnya mengenai hak keistimewaan Melayu, yang dibatalkan sebelum ini, diadakan semula.

Hishammuddin berkata Pemuda Umno hanya akan melakukan perkara yang bermanfaat seperti kempen Aman Malaysia.

"Kita mendapati perkara yang dibangkitkan dalam debat hanyalah retorik kosong.

"Saya nak tanya kepada Mahfuz, adakah dia cuba mengumpulkan 200,000 hingga 250,000 untuk kempen Aman Malaysia atau bolehkah Pas mendapatkan lebih 2.5 juta tandatangan?," katanya pada sidang akhbar selepas mesyuarat

Exco Pemuda Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, semalam.

Mengenai tindakan sesetengah gerakan antiperang antarabangsa untuk menghantar anggota ke Baghdad bagi bertindak sebagai perisai manusia bagi

melindungi tempat strategik awam jika perang meletus, Hishammuddin berkata

Pemuda Umno tidak akan membuat tindakan sedemikian.

Beliau berkata rakyat Malaysia tidak perlu mengambil tindakan drastik sedemikian kerana mempunyai kaedah lain, termasuk menerusi Aman Malaysia,

untuk menyuarakan bantahan terhadap ancaman perang Washington itu.

Malah, katanya, Pemuda Umno akan mengadakan persidangan pemimpin muda negara Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) selepas mesyuarat pemimpin muda

Asean+3 pada April atau Mei depan bagi menyuarakan pendirian berhubung isu

Iraq dan Palestin pada Sidang Kemuncak OIC pada Oktober depan.

"Sedikit sebanyak tindakan drastik itu disebabkan mereka merasakan tiada

ruang lain untuk menyuarakan bantahan sehingga sanggup menjadi perisai manusia dan pengebom berani mati.

"Tetapi kita di Malaysia memberi sokongan dan menyatakan pendirian kita

melalui kaedah tertentu dengan harapan kita tidak perlu mengambil tindakan

drastik itu kerana suara kita didengar," katanya.

Ditanya apakah tindakan beliau jika ada ahli Pemuda Umno yang ingin

bertindak sedemikian, Hishammuddin yang juga Penaung Aman Malaysia berkata, beliau akan memberi penerangan kepada mereka mengenai rasional tindakan itu.

"Saya tak mempunyai begitu ramai anggota Exco...kita nak berdepan dengan pilihan raya. Saya tidak boleh mengorbankan mereka untuk perjuangan itu pada masa ini," katanya berseloroh.

Mengenai persediaan pilihan raya, Hishammuddin mengingatkan pemimpin Pemuda negeri melaksanakan tanggungjawab masing-masing, termasuk menyediakan laporan bulanan berhubung perkembangan semasa pada peringkat akar umbi.

"Saya tidak akan teragak-agak menukar kepemimpinan Pemuda Umno negeri jika mereka didapati tidak melaksanakan tanggungjawab atau jika laporan yang dikemukakan tidak sama dengan laporan lain yang saya peroleh dari sumber lain," katanya.

Hishammuddin berkata, mesyuarat Exco itu turut membincangkan isu Sekolah

Agama Rakyat dan mengulangi sokongan kepada usaha kerajaan dan Kementerian

Pendidikan memantapkan pendidikan agama Islam di sekolah kebangsaan

Katanya, Exco Pemuda Umno juga mengucapkan tahniah kepada kepemimpinan negara, khususnya Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berikutan kejayaan Sidang Kemuncak Pertubuhan Negara Berkecuali (NAM).